



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019 BAHASA MELAYU KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh

.....

.....

.....

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian Bahagian A dan bahagian B.*
2. *Jawab soalan bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 Minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faktor- faktor kejayaan murid dalam akademik. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Karangan Bahagian B
[100 markah]
[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. “Kesihatan Sepanjang Hayat” bermaksud kita perlu menjaga kesihatan diri supaya kita hidup sihat sepanjang masa.

Jelaskan cara-cara menjaga kesihatan diri demi kesejahteraan hidup.
2. Masyarakat penyayang merupakan aspek penting dalam usaha membentuk Malaysia sebagai negara maju.

Bincangkan ciri-ciri masyarakat penyayang yang perlu diamalkan oleh rakyat negara ini.
3. Anda mengambil bahagian dalam suatu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan ialah “Usaha –Usaha Memajukan Destinasi Pelancongan Negara.” Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.

4. Bencana alam sering berlaku di merata-rata. Mangsa bencana telah kehilangan harta benda dan ahli keluarga. Sebagai negara penyayang, negara kita sering menghulurkan bantuan untuk menolong negara yang dilanda bencana alam.

Huraikan faedah- faedah memberikan sumbangan kepada negara - negara di dunia yang ditimpa bencana.

5. *Pandai – pandailah kau terbang
menongkah awan mulus dan kabus dingin
jangan kau pulang
dengan percikan duka dan balutan luka
di sayapmu yang patah*

Petikan sajak ‘Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis kecil’ di atas menjelaskan bahawa penyajak mengharapkan agar anaknya mampu menempuh segala dugaan dan tidak pulang dengan kegagalan.

Jelaskan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan untuk memenuhi harapan ibu bapa.

Kertas soalan tamat.